

28/01/1999

Bank boleh dedah nama menteri

KUALA LUMPUR, Rabu - Kabinet memutuskan untuk membenarkan bank di Switzerland mendedahkan nama menteri dan timbalan menteri yang mempunyai akaun bernombor di negara itu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Serentak itu, Perdana Menteri berkata Kabinet sedia memberi kebebasan sepenuhnya kepada bank mendedahkan nama, malah bersedia memberi kebenaran bertulis jika diperlukan.

"Kabinet membincangkan tuduhan kononnya ada menteri mempunyai akaun peribadi di Switzerland.

"Kita memberi sepenuh kebebasan untuk mereka mendedahkan nama kepada umum. Jika mereka mahu surat bertulis, termasuk dari Perdana Menteri kita bersedia untuk memberinya," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian pada sidang akhbar di Jabatan Perdana Menteri, hari ini yang turut mengumumkan penubuhan Suruhanjaya Siasatan untuk menyiasat kecederaan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau juga mengumumkan kenaikan tol Lebuhraya Utara Selatan 0.75 sen sekilometer dan pengurangan kadar Lebuhraya Damansara Puchong 50 sen kepada RM1.

(END)